

D372

R B214 DEB
MAHATHIR - POLITIK

SEREMBAN, 2 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BANGGA KERANA BARISAN NASIONAL DAPAT MENERUSKAN TRADISI MENGADAKAN PERBINCANGAN-PERBINCANGAN DENGAN CARA YANG TERATUR DAN DENGAN BERBOPAN SANTUN DALAM MENYELESAIKAN APA JUGA PERKARA YANG BERBANGKIT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, SELAKU PENERUSI BN, BERKATA SUNGGUHPUN SEKALI SEKALA TERDAPAT DUGAAN TERHADAP TRADISI ITU, PADA KESELURUHANNYA TRADISI BERKENAAN TELAH BERTERUSAN.

+BANYAK PERKARA YANG PENTING TELAH KITA RUNDINGKAN DENGAN KEBIJAKSANAAN DAN MENGAMBIL KIRA KEDUDUKAN NEGARA, PERTIMBANGAN TENTANG RAKYAT YANG BERBILANG KAUM DAN AGAMA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 MIC DI SINI HARI INI.

KATANYA, KEKUATAN SEMUA PARTI KOMPONEN BN AKAN MEMASTIKAN KEKUKUHAN BN.

BELIAU BERKATA NEGARA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN DAN MASYARAKAT YANG KUAT DAN BERSATUPADU UNTUK TERUS MEMBANGUNKAN NEGARA.

+DUGAAN MESTI ADA DAN KITA HARUS BERUSAHA UNTUK MENGATASINYA DAN DALAM USAHA ITU, KITA TIDAK HARUS BERPECAH-BELAH DAN BERBENGKETA. CARA YANG BAIK UNTUK MENGATASINYA ADALAH MELALUI PERUNDINGAN, PERBINCANGAN DAN PERSIDANGAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

1320MST 02 07 88

R B215 DEB
MAHATHIR - POLITIK 2 SEREMBAN

MENGENAI EKONOMI NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BANYAK BERGANTUNG KEPADA EKSPORT BARANGAN KE NEGARA-NEGARA MAJU DAN PADA MASA INI NEGARA SUDAH MENJADI PESAING KEPADA NEGARA MAJU.

INI ADALAH KERANA NEGARA SUDAH MAMPU MENGELUARKAN BARANGAN PERKILANGAN HASIL KEMAJUAN PERINDUSTRIAN NEGARA.

+KEBOLEHAN NEGARA MENGELUARKAN BARANGAN YANG LEBIH BAIK DAN LEBIH MURAH DARIPADA NEGARA-NEGARA MAJU, BERMAKNA KITA MENGANCAM KEMEWAHAN PEKERJA-PEKERJA DI NEGARA-NEGARA MAJU.

+MEREKA HANYA BOLEH BERTANDING DENGAN KITA, SEKIRANYA MEREKA MENAIKKAN KOS PENGELUARAN BARANGAN KITA,+ KATANYA.

OLEH ITU MEREKA BERUSAHA MENJEJASKAN KOS PENGELUARAN DI NEGARA INI DENGAN MENASIHATI PEKERJA NEGARA INI SUPAYA MEMBUAT TUNTUTAN YANG TIDAK MAMPU DILAYAN OLEH MAJIKAN BERTA MENGAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN.

MEREKA (PEKERJA DAN PEMIMPIN PEKERJA DI NEGARA-NEGARA MAJU) BERPENDAPAT KONONNYA DENGAN BERSIKAP SIMPATI TERHADAP NABIB PEKERJA DI SINI DAN MENGUNGKIT SOAL HAK KEMANUSIAAN DAN HAK PEKERJA, MEREKA MEMPENGARUHI TINDAKAN PEKERJA DAN PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI, KATANYA. -- LAGI

1322MST 02 07 88

R B216 DEB
MAHATHIR - POLITIK 3 SEREMBAN

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA TINDAKAN PARA PEKERJA DAN PEMIMPIN PEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU YANG SEDEMIKIAN RUPA HANYA BERTUJUAN MENJADIKAN PEKERJA NEGARA INI LEBIH MISKIN DAN SETERUSNYA MENGANGGUR MANAKALA MEREKA MENJADI LEBIH MEWAH.

INI JELAS MISALNYA APABILA KUMPULAN MEREKA DI ILO MENDESAK NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA KONONNYA KERANA TIDAK MENGHORMATI HAK KEMANUSIAAN DAN HAK PEKERJA.

PERDANA MENTERI MAHUKAN PEKERJA DI MALAYSIA MENYEDARI HAKIKAT BERKENAAN DAN MEMIKIRKAN TINDAKAN-TINDAKAN SEPERTI YANG DIAMBIL OLEH PERSATUAN KAYANG SOYA AMERIKA (ASA) (YANG MEMBURUK-BURUKKAN MINYAK SAWIT) DALAM MENENTUKAN SAMA ADA MEREKA BERSIMPATI ATAU TIDAK TERHADAP PEKERJA DI SINI.

BELIAU MENAMBAH MEREKA MENGGUNAKAN APA JUGA CARA UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN MINYAK SAWIT YANG MENJADI PUNCA PENDAPATAN RIBUAN PEKERJA DAN PENEROKA DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKALIPUN USAHA-USAHA SEDEMIKIAN RUPA DIHADAPI, DASAR-DASAR DAN PERANCANGAN YANG TELITI BERTA TINDAKAN BERKESAN OLEH KERAJAAN TELAH MEMBAWA PENINGKATAN KEPADA EKONOMI NEGARA, DAN HASILNYA BERTAMBAHLAH PELUANG-PELUANG PEKERJAAN. -- LAGI
1325MST 02 07 88

D379

U B217 DEB
MAHATHIR - POLITIK 4 SEREMBAN

EKONOMI NEGARA YANG MENCATATKAN PERTUMBUHAN YANG BAIK TAHUN LEPAS MENAMPAKKAN TANDA-TANDA AKAN MENJADI LEBIH BAIK TAHUN INI. HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH NEGARA MENINGKAT TERMASUKLAH HARGA BIJIH TIMAH YANG DAHULUNYA DISANGKA TIDAK MEMPUNYAI MASA DEPAN LAGI, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA PELABURAN OLEH PELABUR TEMPATAN DAN ASING DI NEGARA INI JUGA BERTAMBAH, SEKALIPUN TERDAPAT TINDAKAN SESETENGAH PIHAK DI NEGARA INI YANG MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI DI SEBERANG LAUT. MALAHAN ADA SEORANG INDIVIDU YANG TIDAK MEMIKIRKAN KEPENTINGAN PEKERJA YANG DIWAKILINYA SANGGUP MENYERU PIHAK LAIN AGAR MENGENAKAN SEKATAN PERDAGANGAN TERHADAP MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA NEGARA MENCATATKAN KEMAJUAN ADALAH JUGA HASIL KEAMANAN DAN KETENTERAMAN NEGARA, YANG MERUPAKAN ANTARA FAKTOR PENTING KE ARAH MEMASTIKAN PENCAPAIAN KEMAJUAN.

DI PERINGKAT ANTARABANGSA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMAINKAN PERANANNYA DI FORUM-FORUM ANTARABANGSA DENGAN IKHLAS, JUJUR DAN BERANI.

+KITA MENYUARAKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT MENGENAI ISU-ISU EKONOMI DAN POLITIK DENGAN JELAS DAN MENYELURUH. PENDIRIAN KITA DIHormati OLEH NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK NEGARA MAJU DAN BESAR, MALAH PENDAPAT DAN PADANGAN KITA DIDENGAR DAN DIHormati,+ KATANYA.

YANG TURUT HADIR PADA PERHIMPUNAN MIC KALI INI IALAH MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK HAJI MOHD ISA ABDUL SAMAD DAN PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN. --BERNAMA

1400MST 02 07 88